

18 JUL 2001
Parlimen-Pos

ANAK PERDANA MENTERI TIDAK TERBABIT DENGAN PENSWASTAAN POS MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa Phileo Allied Bhd yang diberi penswastaaan Pos Malaysia Bhd, tidak dikuasai oleh Avenue Assets Bhd Bhd, yang didakwa dimiliki anak Perdana Menteri Mohkzani Mahathir.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh berkata Mokhzani tidak mempunyai sebarang kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam syarikat Avenue Assets atau menyertai lembaga pengarah syarikat berkenaan.

Oleh itu dakwaan yang dibuat (mengatakan Phileo Allied dikuasai Avenue Assets yang kononnya milik Mokhzani) adalah fitnah semata-mata, katanya semasa menjawab soalan Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman).

Abdul Rahman semasa sesi soal jawab bertanyakan apakah Unit Perancang Ekonomi menyedari bahawa Phileo Allied yang diberi penswastaaan Pos Malaysia (PMB), dikuasai oleh Avenue Assets kepunyaan anak Perdana Menteri, Mokhzani.

"Jika beliau menyemak dengan Pendaftar Syarikat, terbukti bahawa anak Perdana Menteri sememangnya tidak mempunyai sebarang kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam syarikat tersebut atau menyertai Lembaga Pengarah syarikat berkenaan," kata Shafie.

Beliau berkata kerajaan yakin hasil daripada penswastaaan akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan pos dan seterusnya membawa keuntungan yang boleh dinikmati oleh pekerja dan kakitangan PMB.

Shafie turut menjawab serentak soalan-soalan yang dikemukakan Muhammad Mustafa (Keadilan-Peringat) dan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (PAS-Kuala Terengganu) mengenai isu penswastaaan PMB.

Kepada soalan Muhammad, Shafie berkata jumlah nilai seluruh harta (alih dan tak alih) PMB pada 31 Dis tahun lalu adalah sebanyak RM1.2 bilion manakala jumlah tanggungannya sebanyak RM626.3 juta.

Nilai harta bersih PMB ialah sebanyak RM570.7 juta dan jumlah modal berbayar Phileo Allied Bhd pada 20 Jun lepas sebanyak RM390.9 juta, katanya.

Ketika menjawab soalan Dr Syed Azman, beliau berkata keuntungan sebelum cukai yang diperolehi PMB ialah RM28.9 juta pada tahun 1995, RM83.3 juta (1996), RM64.7 juta (1997), RM82.8 juta (1998), RM99.4 juta (1999) dan RM69.7 juta (2000).

-- BERNAMA
FA NZ RON